

# PM harap penggabungan

UM 16 JAN 2022  
Oleh MOHD. ASUKI ABAS

KUALA LUMPUR 15 Jan. -- Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berharap keputusan penggabungan antara Utama Bank (M) Bhd. (Bank Utama) dan RHB Bank Bhd. (RHB Bank) akan muktamad minggu ini.

Perdana Menteri berkata, adalah menjadi hasrat kerajaan untuk melihat kedua-dua bank itu bergabung kerana lesen perbankan baru tidak akan dikeluarkan selain 10 yang sedia dimiliki oleh bank-bank teras.

"Kita harap mereka (RHB Bank) akan bergabung de-

ngan Bank Utama dan saya harap satu keputusan akan dapat dicapai minggu ini kerana sekarang ini sudah agak lewat," katanya.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata demikian kepada pemberita selepas majlis penyampaian bantuan persekolahan kepada anak-anak yatim Wilayah Persekutuan di Bangunan Tabung Haji di sini hari ini.

RHB Bank merupakan salah sebuah daripada 10 buah kumpulan perbankan yang dikenal pasti oleh Bank Negara untuk menjadi bank teras dalam operasi peng-

## Bank Utama-RHB muktamad

gabungan besar-besaran yang bermula pada tahun 2000.

Bank Utama yang berpangkalan di Sarawak bagaimanapun masih mencari-cari rakan penggabungan selepas gagal mencapai kata sepakat dalam rundingan dengan beberapa bank teras termasuk Kumpulan Perbankan Arab-Malaysian dan EON Bank Bhd.

Julai lalu, Bank Utama telah membeli 22.7 peratus kepentingan dalam Rashid Hussain Bhd. (RHB) iaitu syarikat induk RHB Bank, yang dilihat menjurus kepada penggabungan antara kedua-dua bank.

Ketika ditanya kemungkinan lesen baru diberikan kepada Bank Utama, Perdana Menteri berkata, jumlah 10 bank teras yang sedia ada sudah mencukupi.

"Tidak akan ada lagi lesen untuk bank yang memiliki modal (berbayar) kurang daripada RM2 bilion, jadi kita tunggu dan lihat apa terjadi kepada Bank Utama.

"Kerajaan juga tidak menjangka sebarang penggabungan baru akan berlaku buat masa sekarang (selain Bank Utama dan RHB Bank).

"Tetapi pada masa depan, tentunya kita mahu mereka terus bergabung dan menjadi lebih besar," kata Perdana Menteri.